

JAWATAN	:	PENOLONG JURUTERA
GRED	:	JA5
SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG JURUTERA
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARAF JAWATAN	:	TETAP
LOKASI	:	JOHOR BAHRU
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM1,650.00 – RM6,620.00 PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM145.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	RM160.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED JA5

- (b) (i) Sijil Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM1,731.00); atau
- (ii) Diploma Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred JA5: RM2,055.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

3. Pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kemahiran, Penjaga Jentera Elektrik dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB1, AB2 atau AB3 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam)/Penolong Jurutera Gred JA5, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a. (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(b); atau
 - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - b. had umur pelantikan:
 - i. berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

- ii. berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- iii. berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

SYARAT UNIVERSITI:

1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
2. Berpengalaman dalam mengendalikan peralatan uji kaji makmal dalam bidang kejuruteraan, teknologi atau sains.
3. Berpengalaman dalam penyelenggaraan peralatan dan pembaikan kecil alat atau mesin.
4. Mempunyai sijil atau pengalaman dalam aktiviti berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (OSHE).
5. Berpengalaman dalam bidang pengurusan aset dan fasiliti.
6. Keutamaan latar belakang dalam bidang Kejuruteraan (Elektrik, Mekanikal, Awam, Bioproses atau setara).

- a. **Bidang Kejuruteraan Elektrik**

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan pengurusan aspek perundangan statutory, garis panduan, piawai dan proses troubleshooting fasiliti serta infrastruktur seperti berikut:

- i. Sistem HT, LV dan ELV
- ii. Sistem *Genset*
- iii. Sistem Audio Video
- iv. Sistem Tenaga Solar
- v. Sistem PABX
- vi. Sistem CCTV

- b. **Bidang Kejuruteraan Mekanikal**

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses troubleshooting fasiliti serta infrastruktur seperti berikut:

- i. Sistem Hawa Dingin dan Pengudaraan
- ii. Sistem Pencegah Kebakaran
- iii. Sistem Lif dan Mesin Angkat
- iv. Sistem Motor Elektrik
- v. Sistem *Sewage Treatment Plant (STP)*
- vi. Sistem Bekalan Air Domestik dan Sanitari
- vii. Sistem *Liquefied Petroleum Gas (LPG)*
- viii. Sistem Pengandung Tekanan Tak Berapi

- c. **Bidang Kejuruteraan Awam**

Mempunyai kompetensi yang baik dan berpengetahuan di dalam rekabentuk, penyenggaraan, pengurusan aspek perundangan, statutori, garis panduan, piawai dan proses troubleshooting fasiliti serta infrastruktur seperti berikut:

- i. Struktur Bangunan, Jambatan, Empangan dan Cerun
- ii. Komponen Bumbung, Kemasan Perpaipan
- iii. Kemudahan Awam dan Infrastruktur
- iv. Sistem Retikulasi Air Luar Bangunan
- v. Sistem Pembedungan

7. Berkebolehan dan berpengetahuan dalam mengendalikan teknikal seperti berikut:
 - a. Mahir dalam lukisan kejuruteraan dan perisian rekabentuk berbantuan komputer **CAD** seperti AutoCAD dan STAAD Pro. Pengalaman dalam pembuatan model adalah satu kelebihan.
 - b. Mahir menggunakan perisian *Microsoft Word, Excel, Powerpoint dan Project*.
 - c. Boleh menggunakan aplikasi *Google Services*.
8. Bersedia untuk menjadi staf tunggu sedia dan boleh melakukan kerja di luar waktu pejabat.
9. Berpengetahuan dalam mengenalpasti kaedah melaksanakan kerja penyenggaraan dengan berkesan.

DESKRIPSI TUGAS:

1. Melaksanakan kerja berkaitan **operasi makmal** (pengajaran/penyelidikan/perkhidmatan) secara efisien.
 - a. Menyediakan bahan dan peralatan makmal untuk aktiviti amali/bengkel pengajaran.
 - b. Mengendalikan amali praktik, demonstrasi dan operasi alat serta tunjuk ajar dalam aktiviti pengajaran.
 - c. Membantu memastikan peralatan dan persekitaran makmal berada dalam keadaan baik sebelum dan selepas digunakan.
 - d. Mengendali dan menjalankan analisis peralatan (penyelidikan atau perkhidmatan) di bawah tanggungjawab.
2. Melaksanakan kerja **penyelenggaraan** peralatan makmal bagi memastikan alat berfungsi secara optimum.
 - a. Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kecil alat makmal dan fasiliti.
 - b. Membantu memastikan peralatan berada dalam keadaan baik untuk digunakan pada bila-bila masa.
 - c. Melapor kerosakan peralatan dan fasiliti makmal.
3. Melaksanakan aktiviti **keselamatan KKP** (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan) dan kelestarian bagi mematuhi prosedur yang ditetapkan.
 - a. Membantu aspek pematuhan KKP di makmal dengan menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan mengambilkira risiko, hazard serta kaedah kawalannya.
 - b. Membantu menyediakan peralatan keselamatan di makmal bagi mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
 - c. Melaksanakan proses penyelenggaraan dan persijilan jentera supaya mempunyai lesen yang sah dan beroperasi secara selamat.
 - d. Melaksanakan aktiviti pengurusan bahan kimia dan pengurusan sisa bahan terjadual supaya mengikut peraturan yang ditetapkan.
4. Membantu pengurusan **kewangan dan aset** bagi memastikan perolehan dilaksanakan mengikut prosedur yang ditetapkan.
 - a. Membantu pengurusan perolehan peralatan makmal.
 - b. Merekod inventori, aset alih dan bahan guna habis di makmal daripada proses perolehan hingga pelupusan.
 - c. Membantu penyediaan keperluan audit aset makmal dan dokumentasi yang berkaitan.
5. Membantu pengurusan sistem **kualiti dan dokumentasi** berkaitan makmal bagi memastikan rekod disimpan secara sistematik.
 - a. Menyediakan dan mengemaskini dokumentasi seperti prosedur, SOP dan borang-borang berkaitan penggunaan peralatan makmal.
 - b. Membantu pelaksanaan sistem pengurusan kualiti (SPK) makmal seperti akreditasi SAMM bagi mencapai piawai yang ditetapkan.
 - c. Membantu penyediaan keperluan audit pengurusan sistem kualiti, kalibrasi peralatan makmal dan dokumentasi yang berkaitan.

6. Melaksanakan urusan pentadbiran dan kawalan staf di bawah unit.
7. Melaksanakan pengurusan serta pemantauan kerja baikpulih, penyenggaraan dan projek melibatkan fasiliti serta infrastruktur di kampus UTM.
8. Melaksanakan pengurusan rekabentuk sistem fasiliti dan infrastruktur yang terlibat.
9. Melaksanakan *Building Condition Assessment (BCA)* dan *Facilities Condition Assessment (FCA)*.
10. Menyediakan dokumentasi teknikal seperti lukisan kejuruteraan menggunakan CAD, menyediakan BQ teknikal, spesifikasi teknikal dan skop kerja bagi kerja-kerja perolehan dan mengeluarkan laporan ringkas kejuruteraan secara berkala.
11. Merancang, menyelia dan memantau kerja di tapak sama ada dilaksanakan secara *in house* atau *outsources*.
12. Melaksanakan inisiatif penjimatan penggunaan utiliti air dan elektrik.
13. Melaksanakan pengurusan serta pemantauan melibatkan sumber tenaga alternatif seperti solar dan air akuifer di kampus UTM.
14. Menjaga dan menguruskan sumber di bawah kawalan seperti kenderaan dan peralatan kerja.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/>) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.